

# Kilang minyak sawit cemari alam sekitar didenda RM90,000

Oleh [Meor Riduwan Meor Ahmad](#) - Mei 21, 2025 @ 4:07pm



MELAKA: Sebuah kilang minyak sawit mentah didenda RM90,000 oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh hari ini, atas tiga kesalahan gagal mematuhi syarat lesen Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka hingga berlaku pencemaran.

Pengarah JAS Melaka, Rosli Mustafa, berkata berdasarkan rayuan dikemukakan syarikat itu selaku Orang Kena Saman (OKS), mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM30,000 bagi setiap pertuduhan.

Katanya, wakil syarikat yang hadir menjelaskan denda terbabit.

"Pertuduhan ke atas premis dibuat kerana kegagalan mematuhi syarat lesen Nombor 9, 10 dan 11 yang terkandung dalam Lesen Bernombor 006087 yang dikeluarkan di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

"Siasatan JAS mendapati berlaku kebocoran dari saluran keluar efluen di premis OKS yang kemudiannya memasuki alur air daratan, seterusnya menimbulkan aduan pencemaran air.

"Hakim menjatuhkan denda RM90,000 ke atas premis bagi tiga pertuduhan mengikut Seksyen 16(1), AKAS 1974 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 16(2) akta sama," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, jika disabitkan kesalahan, OKS boleh didenda minimum RM25,000 dan maksimum RM250,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Rosli berkata, pegawai pendakwa JAS Melaka berhujah, hukuman berat perlu dikenakan kerana OKS melakukan kesalahan berulang, selain untuk memberi amaran keras kepada pemain industri dan kilang tidak melakukan kesalahan sama.